



**PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS**

---

**PEKELILING PERBENDAHARAAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2013**

---

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN  
CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2014**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri Perlis dalam menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2014.

**SENARIO EKONOMI**

2. Ekonomi negara mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan dengan pertumbuhan sebanyak 5.3 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar bagi tempoh sembilan (9) bulan pertama tahun 2012. Ekonomi Malaysia diunjur akan terus berkembang pada kadar 4.5 peratus hingga 5.5 peratus bagi tahun 2013, dengan sokongan permintaan domestik yang terus kekal kukuh dan jangkaan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik.

3. Selaras dengan usaha Kerajaan Persekutuan ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, Kerajaan Negeri juga akan menyokong usaha berkenaan dengan memberikan fokus kepada penjanaaan kemakmuran negeri

dan kesejahteraan rakyat dengan mengambil kira usaha merancang pelaburan, meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi serta memastikan kedudukan fiskal yang mampan dan berdaya maju.

4. Tahun 2014 merupakan tahun yang penting bagi menuju ke arah Perlis Maju 2015. Usaha bagi merealisasikan hasrat berkenaan memerlukan kerjasama yang sangat erat di pelbagai peringkat dan sektor. Pihak Kerajaan seharusnya memainkan peranan yang penting sebagai pemangkin ke arah mencapai hasrat berkenaan. Pencapaian setiap indikator Perlis Maju 2015 dipantau dengan teliti oleh setiap agensi yang berkaitan. Sehingga berakhir suku tahun keempat tahun 2012, Kerajaan Negeri Perlis telah berjaya mencapai sejumlah 44 daripada 57 indikator Perlis Maju 2015 atau 83.02 peratus pencapaian sekurang-kurangnya skor terendah *Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD). Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 20 indikator atau 37.7 peratus telah berjaya mencapai skor tertinggi OECD. Kerajaan Negeri juga telah berjaya mencapai kedudukan yang lebih baik berbanding beberapa negara OECD dalam beberapa indikator seperti akses bekalan air kepada penduduk dan akses jalanraya.

5. Selain itu, tahun hadapan juga bakal menyaksikan Negeri Perlis buat julung kalinya akan menjadi tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) XVII. Temasya sukan terbesar yang menghimpunkan atlit dari seluruh negara ini bakal menguji keupayaan Kerajaan Negeri sebagai penganjur yang cekap dan berkesan bagi sukan berkenaan dengan cara yang tersendiri. Kerajaan Negeri akan memastikan perbelanjaan bagi tujuan sukan berkenaan akan dilakukan dengan cekap, produktif dan berintegriti.

6. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri juga menyedari bahawa keadaan ketidaktentuan ekonomi global di kala ini, akan memberikan kesan terhadap ekonomi negeri. Oleh yang demikian, sebagai kesinambungan terhadap Bajet tahun 2013, Kerajaan Negeri akan terus mengamalkan pendekatan yang lebih berhemat bagi menghadapi cabaran yang bakal mendatang dan akan menekankan aspek nilai untuk wang (*value for money*).

7. Bagi kawalan defisit tahunan yang lebih mantap, Kerajaan Negeri juga akan mengamalkan disiplin yang tegas dalam pengurusan kewangan terutamanya dalam perancangan dan pelaksanaan perbelanjaan tahunan Jabatan/ Agensi. Sebarang ketidakpatuhan terhadap prosedur dan tatacara kewangan akibat kecuaiian dan kelalaian yang mengakibatkan kerugian terhadap Kerajaan akan dikenakan tindakan yang berdasarkan peraturan sedia ada.

8. Selaras dengan kawalan defisit Kerajaan Negeri ini, Pegawai Pengawal perlu memberi perhatian terhadap pengurusan kewangan Jabatan masing-masing. Setiap peraturan kewangan hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Teguran yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara atau mana-mana pihak yang berkenaan perlu diambil tindakan segera dan memastikan perkara berkenaan tidak lagi berulang. Kegagalan Pegawai Pengawal mengambil tindakan berhubung perkara ini boleh menyebabkan tindakan diambil ke atas pegawai yang terlibat.

## **PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL**

9. Cadangan penyediaan anggaran hasil 2014 perlu disediakan dengan teliti oleh Pegawai Pengawal bagi membolehkan perancangan perbelanjaan yang lebih mantap dapat dilaksanakan. Cadangan penyediaan anggaran hasil 2014 hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara berikut:

- i. Meneliti rekod prestasi hasil tiga (3) tahun ke belakang;
- ii. Mengambil kira perubahan dasar, peraturan atau kadar; dan
- iii. Kemampuan pelaksanaan kutipan tunggakan hasil.

10. Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberi asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi tahun 2014.

11. Pegawai Pengawal/ Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa (2013) dan keupayaan untuk memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:

- i. Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2012;
- ii. Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun semasa (2013);
- iii. Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2014; dan
- iv. Jumlah tunggakan terkumpul tiap-tiap jenis hasil tahun sebelum yang boleh dipungut dalam tahun 2013.

### **PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN**

12. Penyediaan belanjawan 2014 cadangan anggaran perbelanjaan akan dilaksanakan sepenuhnya melalui sistem Sistem Perakaunan Berkomputer Standard (SPEKS) untuk Kerajaan Negeri. Jabatan/ Agensi hendaklah memasukkan data di dalam skrin kemasukan yang berkaitan dalam sistem SPEKS. Seterusnya mencetak dan mengemukakan laporan-laporan yang berkaitan ke Perbendaharaan Negeri untuk tujuan semakan.

13. Pegawai Pengawal perlulah memastikan input dimasukkan di dalam format-format melalui sistem tersebut dengan tepat dan sempurna bagi menggambarkan anggaran yang munasabah selari dengan perancangan Jabatan/ Agensi. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya anggaran keperluan dilakukan dengan memberi keutamaan kepada dasar-dasar utama Kerajaan Negeri.

14. Kegagalan pihak Jabatan/ Agensi memasukkan data dengan lengkap dan sempurna akan menyebabkan berlaku kesilapan dalam pengiraan bajet secara keseluruhan dan seterusnya boleh merencatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri. Sebarang masalah mengenai penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2014 ini hendaklah dirujuk terus ke Pejabat Perbendaharaan Negeri.

## **Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus**

15. Bajet Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan bagi defisit terkumpul setiap tahun. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengurangkan defisit berkenaan secara berperingkat. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri akan mengurus perbelanjaan secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam berakauntabiliti berteraskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memberi nilai untuk wang (*value for money*), Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan fiskal berhemat dengan melaksanakan kesemua aktiviti secara cekap, ekonomik dan berkesan. Dalam hal ini, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus:

- i. Perbelanjaan hendaklah disediakan mengikut keutamaan berdasarkan sumbangan kepada keutamaan negeri secara cekap dan berkesan;
- ii. Pertindihan fungsi sama ada di dalam agensi mahupun di antara agensi hendaklah dielakkan sama sekali;
- iii. Memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
- iv. Memastikan peruntukan emolumen disediakan secukupnya termasuk bagi pegawai/kakitangan kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
- v. Penyenggaraan aset Kerajaan diberi keutamaan; dan
- vi. Faktor keupayaan untuk melaksana program dan aktiviti oleh Jabatan/ Agensi perlu diambil kira.

16. Pegawai Pengawal perlu mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan program/ aktiviti baru dan *One-Off*. Ini termasuklah kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau keputusan-keputusan lain oleh Kerajaan yang perlu ada sebelum permohonan peruntukan dikemukakan untuk pertimbangan Perbendaharaan.

## **Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Pembangunan 2014**

17. Tahun 2014 merupakan tahun keempat dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10). Pegawai Pengawal perlu memastikan peruntukan yang diluluskan digunakan dengan optimum bagi memastikan projek pembangunan terutamanya yang melibatkan infrastruktur sukan bagi kegunaan SUKMA berjalan lancar mengikut jadual agar dapat mencapai sasaran yang ditetapkan. Penyediaan Perbelanjaan Pembangunan perlu dinyatakan dengan terperinci dengan menyatakan senarai nama program dan butiran projek yang dirancang supaya peruntukan yang telah diluluskan tidak menyimpang daripada tujuan program.

18. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak yang berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Sehubungan itu, setiap Jabatan/ Agensi yang berkenaan perlu menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua program/ aktiviti dan peruntukan kewangan bagi setiap aktiviti. Pemantauan secara berkala ke atas projek-projek yang telah diluluskan hendaklah dilaksanakan bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan memastikan supaya perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang disediakan serta tidak melebihi siling peruntukan yang ditetapkan.

19. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan tanda (*token*) pada tahun 2014 bagi projek-projek baru yang pelaksanaan fizikalnya dirancang bermula pada tahun 2015 untuk membiayai kerja-kerja awalan projek seperti pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah, kajian kemungkinan projek dan urusan dokumentasi tender.

## **Peraturan Bagi Membelanjakan Peruntukan Pinjaman Di Bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan**

20. Bagi projek yang dicadang dibiayai melalui peruntukan pinjaman, peruntukan akan dipertimbangkan berasaskan kriteria-kriteria berikut kecuali bagi projek sosial dan strategik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun:

- i. Projek bercorak komersial;
- ii. Projek yang berdaya maju dan mempunyai Kadar Pulangan Dalamannya sekurang-kurangnya 8%; dan
- iii. Peminjam tidak mempunyai apa-apa tunggakan bayaran balik pinjaman.

21. Pegawai Pengawal selaku pemilik projek (*project owner*) yang memohon permohonan pinjaman, bertanggungjawab membuat kajian kedayahidupan (*viability*) projek dan memastikan projek berdaya maju sebelum mengemukakan permohonan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Ini termasuk mengkaji prestasi bayaran balik pinjaman bagi Jabatan/ Agensi yang sedang dan pernah menerima pinjaman. Seterusnya, UPEN akan mempertimbangkan dan meluluskan projek-projek pembangunan dan seterusnya mengemukakan permohonan berkenaan kepada Kerajaan Persekutuan (EPU). Langkah ini bertujuan membantu mengurangkan tunggakan bebanan hutang Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan.

22. Semua permohonan pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 1989 - Peraturan Bagi Membelanjakan Peruntukan Pinjaman Di Bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan dikemukakan melalui Perbendaharaan Negeri bagi membolehkan Perbendaharaan Negeri menimbangkan keperluan peruntukan semasa pemeriksaan cadangan perbelanjaan.

23. Selepas pinjaman diluluskan, Pegawai Pengawal hendaklah:
- i. Mengawal pelaksanaan dan kemajuan fizikal projek;
  - ii. Membuat perakuan kepada Perbendaharaan untuk pengeluaran wang pinjaman tertakluk kepada Perjanjian Pinjaman;
  - iii. Mengawal perbelanjaan projek;
  - iv. Melaksanakan lawatan tapak bagi projek berbentuk fizikal; dan
  - v. Mengemukakan laporan kemajuan projek kepada Perbendaharaan seperti yang dikehendaki dalam Perjanjian Pinjaman.

## **PERJAWATAN**

24. Usaha ke arah meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam yang lestari perlu dilaksanakan secara berterusan dengan matlamat penggunaan sumber yang optimum. Selaras dengan aspirasi tersebut, sebagaimana pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) diperkenalkan di peringkat Persekutuan, setiap Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri juga hendaklah mengaplikasikan pendekatan berkenaan dalam semua urusan perjawatan dalam perkhidmatan awam.

25. Penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan yang dilaksanakan oleh agensi adalah perlu ke arah mengoptimalkan penggunaan sumber sedia ada, sekali gus akan mengurangkan (*reduce*) kos operasi perkhidmatan awam terutama bagi tujuan pembayaran emolument. Penyusunan semula struktur hendaklah menjamin organisasi yang lebih mantap serta berfokus kepada fungsi teras agensi, manakala perkhidmatan-perkhidmatan bukan teras perlu dikenal pasti untuk dialih daya (*eliminate*). Tindakan mengukuhkan perjawatan akan membolehkan fungsi perkhidmatan disusun supaya tidak bertindih. Perekayasaan proses kerja perlu ditingkatkan (*raise*) supaya membawa kepada lonjakan produktiviti dalam perkhidmatan awam dengan menghapuskan (*eliminate*) peringkat kerja yang tidak relevan dan memperluas penggunaan teknologi secara menyeluruh. Struktur organisasi yang lebih fleksibel serta klasifikasi pekerjaan yang khusus juga perlu dicipta (*create*) bagi menjamin saiz perkhidmatan awam yang rasional dan sesuai.

## **PENYAMPAIAN CADANGAN PERBELANJAAN TAHUN 2014**

26. Penyediaan Buku Cadangan Perbelanjaan bagi tahun 2014 hendaklah disediakan seperti berikut:

- i. Buku 1 : Anggaran Hasil dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus;
- ii. Buku 2 : Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

27. Penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan tahun 2014 hendaklah mengikut format di dalam sistem SPEKS dan peraturan seperti berikut:

- i. Cadangan Anggaran Hasil dikemukakan seperti berikut:
  - (a) Ringkasan Hasil Mengikut Objek Sebagai – **Format AH 1**;
  - (b) Butir-Butir Hasil Mengikut Objek Lanjut – **Format AH 2**; dan
  - (c) Justifikasi Anggaran Hasil – **Format AH 3**.
- ii. Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dikemukakan seperti berikut:
  - (a) Ringkasan Perbelanjaan Program/Aktiviti Mengikut Objek Sebagai – **Format BM 5**;
  - (b) Justifikasi Anggaran Mengurus – **Format BM 5B**;
  - (c) Anggaran Perbelanjaan Mengikut Objek Sebagai – **Format BM 5C**; dan
  - (d) Perjawatan dan Emolumen.
- iii. Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dikemukakan seperti berikut:
  - (a) Keterangan mengenai projek-projek yang dicadangkan (*Project Brief*).
  - (b) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Program/ Aktiviti – **Format ABP 2**; dan

- (c) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Projek – **Format ABP 3.**

28. Cadangan Anggaran Perbelanjaan hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 31 Mei 2013** dengan jumlah salinan seperti berikut:

- i. **Pejabat Perbendaharaan Negeri:**

Tiga (3) naskah setiap satu Buku 1

- ii. **Unit Perancang Ekonomi Negeri:**

Tiga (3) naskah setiap satu Buku 2

29. Bagi memastikan ianya dapat disediakan mengikut waktu yang ditetapkan seterusnya dapat dibentangkan untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri, semua Pegawai Pengawal perlu memastikan jadual penyediaan bajet 2014 dipatuhi.

#### **PEMERIKSAAN BAJET TAHUN 2014**

30. Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Hasil dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus oleh Perbendaharaan Negeri akan diadakan mulai **bulan Jun 2013**. Setiap Jabatan/ Agensi akan dimaklumkan secara rasmi dan Pegawai Pengawal hendaklah hadir dengan dibantu oleh pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi. Untuk tujuan pemeriksaan ini, setiap Jabatan/ Agensi hendaklah membawa bersama dokumen-dokumen berikut:


- i. Senarai inventori dan aset kenderaan Jabatan/ Agensi; dan
- ii. Dokumen-dokumen berkaitan yang menyokong permohonan peruntukan dalam Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2014 seperti keputusan Kerajaan Persekutuan/ Negeri dan sebagainya.

## **PENUTUP**

31. Dalam penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2014 ini, Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan boleh berhubung dengan Unit Belanjawan dan Pinjaman, Perbendaharaan Negeri Perlis di talian 04 – 973 1807/1804.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(ROMLI BIN DAI)**  
Pegawai Kewangan Negeri Perlis  
8 Mei 2013

**s.k.**

YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Menteri Besar  
Bendahari Negeri